

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

02 MEI 2021

AHAD



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

METRO MINGGUAN

SEDIH TAPI AKUR

2



# METRO MINGGUAN



KELIHATAN orang ramai mengunjungi jualan hari akhir di Bazar Ramadan @Mart Kempas, kelmarin sebelum bazar Ramadan berkenaan diarah tutup. Selain bazar @Mart Kempas, terdapat dua lagi bazar di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) di arah tutup iaitu bazar Ramadan di Kampung Pasir dan Jalan Mata Kuching. Selain itu, dua bazar iaitu Bazar Ramadan Belatuk dan Taman Scientex di kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang serta satu lagi di kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi iaitu Bazar Ramadan Lok Heng.

## BAZAR RAMADAN DITUTUP

# SEDIH TAPI AKUR

**Bernama**  
**Johor Bahru**

**W**alaupun sedih dan kecewa kerana bazar Ramadan di arah tutup namun peniaga di bazar Ramadan @Mart Kempas akur kerana tidak mahu menjadi punca kepada pentularan baharu Covid-19.

Seorang peniaga bazar berkenaan Muhammad Zuhilmi Mahmud, 28, berkata, dia mendapat maklumat berhubung perkara itu semalam daripada penganjur yang menyatakan tapak perniagaan itu perlu ditutup bermula 1 Mei sehingga satu tarikh akan dimaklumkan kelak.

"Mula-mula rasa sedih apabila dapat tahu tentang

perkara ini, sebab peniaga di sini, baru mendapat rentak untuk berniaga semula. "Tetapi pada akhirnya kita tidak boleh pentingkan diri sendiri, walaupun ada rasa ketidakpuasan hati, mahu atau tidak kita tetap kena ikut arahan. Selepas ini, kita akan beroperasi di kedai sendiri sahaja," katanya.

Bagi Mastura Sonhaji, 18, dia membuat perancangan untuk mencari alternatif lain dengan berniaga di pasar malam atau bazar Ramadan berdekatan selepas mengetahui tentang arahan penutupan bazar itu.

"Terkejut juga bila dapat tahu bazar perlu ditutup kerana dalam notis hanya tulis kawasan bazar berisiko tinggi. Penutupan ini menjejaskan peniaga, tetapi kita

reda dan selepas ini, kita merancang untuk berniaga di pasar malam atau bazar Ramadan berhampiran," katanya.

Norliza Omar, 35, berkata, dia mengharapkan arahan penutupan itu tidak terlalu lama kerana peniaga perlu mencari pendapatan memandangkan Aidilfitri tinggal kira-kira dua minggu sahaja lagi.

"Peniaga di sini, mungkin ada yang sudah membeli barangan tambahan untuk dua minggu lagi bazar...kestan juga kepada mereka. Kita harap arahan ini tidak terlalu lama kerana suami juga tidak lagi bekerja di sebuah hotel di bandar raya ini dan sekarang hanya membantu saya berniaga," katanya.

Sebelum ini, Pengerusi

Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Ayub Jamil dilaporkan berkata, empat bazar Ramadan di negeri ini diarah tutup serta-merta sebagai langkah berjaga-jaga selepas tapak perniagaan itu dikunjungi individu disyaki positif Covid-19.

Beliau dipetik sebagai berkata, penutupan berkenaan membabitkan bazar Ramadan Kampung Pasir, Jalan Mata Kuching dan bazar Ramadan @Mart Kempas di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Dua lagi ialah bazar Ramadan Belatuk, Taman Scientex di kawasan Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan bazar Ramadan Lok Heng dalam kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi.

